

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 30.10.2014**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menanam minat pelajar dalam bidang perniagaan. Sejauh mana sistem pelajaran terkini iaitu KSSR yang menggantikan KBSR dapat membantu menanam minat pelajar dalam bidang tersebut serta apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar supaya pencapaiannya setanding dengan kawasan bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkaitan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak awal tahun 1990-an berlandaskan bidang/tajuk perniagaan dan keusahawanan.

Elemen Keusahawanan diterapkan kepada murid dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) di Tahap 2 (tahun 4, 5 dan 6 ), dan dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tingkatan 1, 2 dan 3 di peringkat menengah rendah. Kedua-dua mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran wajib. Bagi murid tingkatan 4

dan 5 elemen keusahawanan ini di terapkan dalam mata pelajaran pilihan iaitu Perdagangan, Ekonomi Asas, Reka Cipta dan 22 mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah.

Dalam meneruskan usaha menanam minat murid terhadap bidang keusahawanan, elemen keusahawanan telah mula diterapkan di peringkat tahap satu sekolah rendah lagi melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sebagai elemen merentas kurikulum bagi semua mata pelajaran.

Seterusnya pada tahap dua sekolah rendah dan Tingkatan 1 hingga 3 sekolah menengah, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi yang diperkenalkan memberi fokus kepada kemahiran keusahawanan dan pengurusan kewangan. Di peringkat Tingkatan 4 dan 5 sekolah menengah, mata pelajaran berunsur keusahawanan dan perniagaan seperti Perdagangan, Ekonomi Asas dan Prinsip Perakaunan ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif

Di dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), pelajar-pelajar Kolej Vokasional diperkenalkan dengan "School Enterprise" di mana setiap pelajar dilatih dan diperkenalkan dengan semua aspek perniagaan dan keusahawanan. Pelaksanaan sebenar dalam bidang perniagaan dan keusahawanan diterapkan kepada pelajar secara khusus di mana pelajar didedahkan dan dilatih untuk menjadi usahawan sebenar. Proses "SE" dilaksanakan melalui program-program sekolah di mana '*hands on*' sebenar akan berlaku dan para pelajar akan didedahkan dengan amalan praktikalnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperkasakan pendidikan di luar bandar khususnya di sekolah Band 5,6 dan 7, KPM melalui Program Transformasi Daerah (DTP) telah menempatkan *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) dan *School Improvement Partner* (SIPartner+) secara sepenuh masa di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). SISC+ adalah pembimbing guru yang berdedikasi dan komited untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Pegawai yang dilantik sebagai SISC+ akan ditempatkan di PPD untuk membimbing guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. SIPartner+ pula berperanan untuk memberi membimbing terhadap barisan kepimpinan sekolah. Pada masa ini, terdapat seramai 1,019 SISC+ manakala terdapat 309 SIPartner+ di seluruh negari.